

Anggap Misi Nasional RMK-9 milik sendiri — Najib

MM - 9/5/2006

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 8 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa kakitangan awam menjadikan Misi Nasional dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebagai milik mereka sendiri bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, misi tersebut bukan milik pihak tertentu yang bertanggungjawab menggal pelan tersebut seperti Unit Perancang Ekonomi.

Beliau berkata, penerimaan kakitangan awam terhadap Misi Nasional RMK-9 bermula dengan membaca seluruh isi kandungannya dan bukan mengangapnya sekadar dokumen yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat semata-mata.

"Kita mesti menerima hakikat, selagi kita tidak mengambilnya sebagai milik kita, tidak mungkin segala yang terkandung dalam pelan tersebut boleh dilaksanakan dengan penuh jayanya.

"Titik-tolak daripada kita menerimanya sebagai milik kita ialah untuk kita membaca pelan tersebut.

"Jangan selepas terima buku RMK-9, kita simpan pada rak buku di pejabat atau membawa ke rumah dan simpan dalam bilik bacaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Najib yang juga Menteri Pertahanan mengingatkan mengenai lima teras misi nasional dalam RMK-9 yang digagaskan oleh Perdana Menteri agar dapat dilaksanakan mengikut kemampuan dan bidang kuasa masing-masing.

"Kita ambil prinsip yang pertama iaitu menambah nilai tambahan pada ekonomi, cuba kita lihat dalam bidang dan sek-

**Jangan selepas terima buku RMK-9,
kita simpan pada rak buku di pejabat**

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana
Menteri

tor masing-masing bagaimana prinsip itu boleh dilaksanakan," katanya.

Beliau memberikan contoh bagaimana seorang pengusaha keropok di Selangor dan syarikat menternak ikan Arowana di Batu Pahat, Johor mampu menterjemahkan proses menambah nilai yang tinggi apabila masing-masing meraih pendapatan RM500,000 sebulan.

Katanya, kedua-dua syarikat itu juga disenaraikan dalam Bursa Malaysia dengan pulangan sebanyak RM50 juta setahun.

Beliau juga menekankan agar kementerian yang terlibat dalam melaksanakan program meningkatkan kualiti hidup rakyat agar bersungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawab mereka.

"Ini juga mesti diterjemahkan dalam apa saja bidang tanggungjawab kita,

yang jaga rumah macam mana hendak jadikan rumah lebih selesa, yang jaga sistem pengangkutan, tengok macam mana ia boleh ditingkatkan lagi mutu supaya kualiti rakyat lebih baik.

Bagi yang menjaga pencemaran, tolong jaga sungai kita, yang jaga pusat pelupusan sampah terbuka, pastikan tidak ada lagi yang tidak sanitari.

Saya sudah tengok gambar leachate yang masuk sungai itu, yang hitam legam itu mengalir, dari udara boleh nampak, yang tidak boleh nampak bagaimana? Ini tanggungjawab kita," tegas Najib.

Mengenai misi memupuk mentaliti kelas pertama, beliau mahu kakitangan awam sendiri terlebih dahulu melihat kepada jabatan mereka iaitu adakah segala aset kerajaan diselenggara dengan baik.